

# Direktori pendidikan bantu carian inisiatif kerajaan

Kisah anak kenalan tak dapat belajar dengan sempurna cetus ilham wujud #JomEducate

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kesukaran murid, terutama daripada keluarga berpendapatan rendah mengikuti pembelajaran dalam norma baharu, mencetuskan idea untuk mewujudkan direktori pendidikan digital secara percuma kepada masyarakat.

Akauntan, Ajirina Annuar, 33, ibu kepada tiga cahaya mata, terpanggil mewujudkan laman sesawang #JomEducate, sebagai pusat sehenti bagi menyokong pendidikan secara digital.

"Saya bukan guru, tetapi amat terkesan apabila ramai kenalan dan warga pendidik menceritakan anak murid mereka tidak dapat belajar dengan sempurna, tiada peranti dan data internet, terpaksa berkongsi atau menggunakan telefon pintar ibu bapa selepas waktu pembelajaran.

"Ini sedikit sebanyak meruntun perasaan kerana masih ada masyarakat ketinggalan, sekali gus menyukarkan mereka mendapatkan carian dan maklumat dalam norma baharu pendidikan digital.

"Alhamdulillah, biarpun baru beberapa hari kini sudah ada lebih 8,000 pengguna, 25,000 kali laman #JomEdu-



**Apabila wujudkan satu direktori pendidikan digital menerusi #JomEducate rakyat, ia beri maklumat mengenai inisiatif pembelajaran digital yang percuma atau beri subsidi untuk masyarakat.**

**Ajirina Annuar,**  
Akauntan

cate ini dikunjungi dan 75,000 pengguna menyertai aktiviti atau pergi ke pautan yang berkenaan," katanya ketika dihubungi BH.

Ajirina berkata, paling utama bagiinya adalah mahu masyarakat mengetahui inisiatif sedia ada untuk dimanfaatkan.

"Sebagai ibu, saya tidak mahu wujud jurang pendidikan lebih luas dengan keadaan sistem pendidikan yang terkini menerusi transformasi ke arah di-

The screenshot shows the homepage of the JomEducate website. At the top, there's a banner for 'DIREKTORI PENDIDIKAN DIGITAL MALAYSIA'. Below it, there are several sections: 'Pembelajaran Persekolah / Data!', 'e-Kelas', and 'Media Cetakan'. Each section has a small image and a brief description. At the bottom, there's a section titled '#jomeducate' with a graphic of Malaysian flags and another titled 'Objektif #JomEducate' with some text.

Laman sesawang #JomEducate pusat sehenti sokong pendidikan secara digital.

gital, pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR), tetapi hakikatnya ramai murid daripada keluarga tidak berkecimpuan.

"Justeru, apabila mewujudkan satu direktori pendidikan digital menerusi #JomEducate rakyat, ia memberi maklumat mengenai inisiatif pembelajaran digital yang percuma atau beri subsidi untuk masyarakat," katanya.

Beliau menasarkan pendaftaran hingga 100,000 pengguna bagi membolehkan usaha memupuk kesedaran menjadi lebih menyeluruh.

"Biarpun zaman teknologi maklumat masih ramai lagi tiada peranti pintar

dan data internet yang mana sebenarnya melalui subsidi program jaringan PRIHATIN khusus kepada golongan B40 akan menerima bantuan kredit telekomunikasi sebanyak RM180 seorang bermula Mac ini.

"Menerusnya, penerima boleh menggunakan bantuan kredit telekomunikasi bagi melanggan perkhidmatan internet atau menampung sebahagian kos bagi pembelian telefon pintar yang baru," katanya.

Pada masa depan, inisiatif yang digerakkan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperbaiki lagi dunia pendidikan.